

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 7( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA  
BIL. 9 TAHUN 2019**

**Tarikh** : **25 September 2019 (Rabu)**  
**Masa** : **10.00 pagi hingga 11.30 pagi**  
**Tempat** : **Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu Pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**  
**Kehadiran** : **Seperti di Lampiran A**

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Amizi bin Aminuddin, Penolong Pegawai Tadbir Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN PENGERUSI**

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 9/2019.

Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan September 2019. Gambar-gambar semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.
- ii) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi Bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Program Karnival 3W (*Welness, Welfare & Women*) Peringkat MPSJ tahun 2019 merupakan program anjuran bersama Kerajaan Negeri Selangor di bawah portfolio Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga.

MPSJ menyambut baik saranan Kerajaan Negeri Selangor dan akan melaksanakan Karnival 3W di peringkat MPSJ dengan membawa tema Kesihatan Mental dan Warga Emas. Pelaksanaan

karnival ini adalah bagi menggalakkan serta membudayakan amalan gaya hidup sihat secara berterusan bersama keluarga. Karnival ini turut mendapat kerjasama daripada pihak Sunway Group dan akan diadakan pada :

Tarikh : 20 Oktober 2019 (Ahad)  
Masa : 4.30 pagi – 5.30 petang  
Tempat : Sunway Geo Subang Jaya

Program Sunway *Good Run* akan diadakan sempena karnival ini. Acara akan dimulakan dengan larian Sunway Good Run dengan jarak sejauh 20km, 10km dan 5km bermula daripada jam 4.30 pagi.

Selain daripada itu, pameran dan aktiviti daripada pelbagai agensi turut diadakan di ruang legar Sunway Geo seperti pertandingan sukan rakyat, senaman, sembang santai sihat, pemeriksaan kesihatan, cabutan bertuah dan banyak lagi. Dengan adanya gabungan kerjasama pelbagai agensi ini ia akan memudahkan para pengunjung merujuk permasalahan atau mendapatkan maklumat yang dikehendaki dengan lebih cepat. Menerusi karnival ini juga pelbagai bantuan akan dapat disalurkan terutamanya kepada golongan kurang berkemampuan daripada golongan B40 supaya kehidupan mereka lebih baik sekali gus mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup masing-masing.

- v) Program Pembangunan Usahawan India Negeri Selangor merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor bagi membangunkan dan mempertingkatkan ekonomi golongan B40 dikalangan masyarakat India di Negeri Selangor.

Setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor telah dilantik menjadi agensi pelaksana bagi Taklimat Program Pembangunan Usahawan India ini. Di peringkat MPSJ, program ini akan dilaksanakan pada ketetapan berikut:

Tarikh : 28 September 2019 (Sabtu)  
Masa : 2.00 – 5.00 petang  
Tempat : Dewan Serbaguna MPSJ  
Jalan Laman Puteri 3  
Bandar Puteri, Puchong

Program ini akan dirasmikan oleh Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi.

- vi) Pertandingan Formasi Wajadiri Warisan Malaysia akan dilaksanakan pada :

Tarikh : 06 Oktober 2019 (Ahad)  
Masa : 9.00 Pagi hingga 7.00 Malam  
Lokasi : Stadium MPSJ Serdang Jaya

Pertandingan Formasi Wajadiri Warisan Malaysia ini adalah pertama kali dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya dan juga belum pernah dianjurkan oleh mana-mana PBT di Malaysia.

Antara program yang akan diadakan adalah Pertandingan Formasi Wajadiri Silat Gayung Terbuka, Wushu Terbuka dan Silambam Terbuka, persembahan kebudayaan dan seni pertahanan diri kaum Melayu, Cina dan India semasa majlis perasmian, permainan dan makanan warisan tradisional serta gerai usahawan PeBT MPSJ.

### **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 8/2019**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 8/2019 yang telah diadakan pada 29 Ogos 2019 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

### **4.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 08/2019**

Perkara-perkara berbangkit adalah seperti yang berikut:

<b>Bil</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1	Encik Yap Kok Weng	Perkara 4.3 : Laporan Mesyuarat	Beliau memaklumkan bahawa garis panduan pemasangan <i>exhaust fan</i>

Bil	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		<p>Jawatankuasa Kawalan Perniagaan MPSJ bil.7/2019 bertarikh 17 Julai 2019 – Garis panduan pemasangan <i>exhaust fan</i>.</p>	<p>telah dibentangkan dalam mesyuarat <i>Pre Council</i> Ahli Majlis pada 24 September 2019. Beliau memohon agar garis panduan ini dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa yang bersesuaian untuk dilaksanakan sepenuhnya.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta agar garis panduan pemasangan <i>exhaust fan</i> ini dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan MPSJ untuk dibincangkan.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Bangunan</b></p>
2	Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @	Perkara 5.9 (3) : Laporan Mesyuarat	Beliau memaklumkan terdapat rizab tanah sekolah di kawasan zon 12 namun

Bil	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
	Azmi	jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar MPSJ bil. 7/2019 bertarikh 15 Ogos 2019 – Pembuangan sampah haram	<p>tanah tersebut masih kosong dan terbiar. Beliau memohon agar MPSJ membuat permohonan kepada Kementerian Pendidikan bagi tujuan pembinaan sekolah memandangkan tiada sekolah rendah dan menengah di zon 12. Beliau khawatir tanah yang terbiar akan dijadikan tapak pembuangan sampah haram.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua bersetuju dengan syor yang diberikan dan meminta agar perkara berikut dilaksanakan :</p> <p>i) Menyediakan inventori lokasi pembuangan sampah haram sedia</p>

Bil	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>ada dan yang berkemungkinan berlaku di masa akan datang.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</b></p> <p>ii) Menyediakan inventori lengkap beserta status tapak tanah kosong. Status tanah ini akan dipanjangkan kepada Kementerian Pendidikan dan pihak Kerajaan Negeri supaya tanah ini dipajakkan untuk tujuan sementara supaya ianya senang dikawal daripada dijadikan tempat pembuangan sampah haram. Walau bagaimanapun, Majlis perlu melihat kepada</p>



Bil	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>keperluan sekolah di lokasi berkenaan dan mengemukakan permohonan penduduk kepada Kementerian Pendidikan bagi tujuan pembinaan sekolah sekiranya memenuhi syarat keperluan.</p> <p>iii) Menghantar surat dan berbincang secara terus bersama pegawai di Kementerian Pendidikan atau Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu berkenaan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</b></p>

## 5.0 **PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**

### 5.1 **Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Perbandaran Subang Jaya bil.09/2019 bertarikh 4 September 2019**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

### 5.2 **Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya bil. 09/2019 bertarikh 11 September 2019**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 3.2 & m/s 2	Encik Yap Kok Weng	Permohonan penyewaan dan pengurusan sembilan unit gerai di Medan Selera Serindit 1A, Bandar	Beliau memaklumkan bahawa BV Rizqi Enterprise telah menolak tawaran penyewaan pihak Majlis manakala Encik Ramamoothy a/l Etherajaloo telah

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Puchong Jaya, Puchong, Selangor Darul Ehsan.	<p>mengemukakan rayuan agar sewa bulanan dikurangkan daripada RM550 kepada RM400 serta diberi tempoh dua bulan bagi menjelaskan cagaran sewa kepada pihak Majlis.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta perkara berikut dilaksanakan :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>i) Melaksanakan sesi temuduga baharu bagi penawaran ruang yang kosong dengan kadar segera.</li><li>ii) Membentangkan permohonan Encik Ramamoothy a/l Etherajaloo bagi pengurangan kadar</li></ul>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				sewa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan untuk dibincangkan.  <b>Tindakan : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta</b>

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 09/2019 bertarikh 12 September 2019**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Encik Tai Cheng Heng	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pengangkutan Awam	Beliau memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pengangkutan Awam sudah lama tidak bersidang. Beliau ingin mengemukakan isu berkaitan tempat menunggu bas yang masih

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>tidak mempunyai papan tanda sehingga menyukarkan penduduk mengenalpasti lokasi perhentian bas.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa mesyuarat jawatankuasa kecil hanya bersidang sekiranya terdapat isu berbangkit yang perlu dibincangkan. Beliau meminta Jabatan berkaitan mengambil tindakan selanjutnya berkenaan isu papan tanda perhentian bas yang dibangkitkan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</b></p>
2.	-	Encik Abbas Salimmi	Isu perkhidmatan teksi	Beliau memaklumkan bahawa Kabinet pada asasnya telah bersetuju untuk melaksanakan

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
		bin Che Adzmi @ Azmi	motosikal atau GoJek	<p>perkhidmatan teksi motosikal atau lebih dikenali sebagai Gojek di Malaysia. Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan agar MPSJ mengambil inisiatif awal bagi persediaan menerima perkhidmatan ini.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta supaya mendapatkan ilmu berkaitan perkhidmatan dan pengurusan Gojek bagi persediaan awal untuk pelaksanaannya di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</b></p>

**5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 07/2019 Bertarikh 12 September 2019**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	-	Puan Yang Dipertua	-	Beliau meminta agar Pelan Tindakan Bandar Pintar MPSJ dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat serta dipanjangkan dalam Mesyuarat Penuh akan datang.  <b>Tindakan : Jabatan Teknologi Maklumat</b>

## 5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 09/2019 bertarikh 17 September 2019

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Puan Yang Dipertua	-	<p>Beliau memaklumkan bahawa senario pada masa kini, banyak perkhidmatan berkaitan pusat penjagaan ibu selepas bersalin dan Air BnB. Kedua-dua perkhidmatan ini masih belum mempunyai garis panduan atau dasar di peringkat Negeri dan Persekutuan.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta supaya MPSJ menjadi <i>trendsetter</i> untuk</p>



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>menjadi penyumbang idea dalam penyediaan Garis Panduan Berkenaan Pusat Penjagaan Ibu Selepas Bersalin dan Garis Panduan Airbnb.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Jabatan Pelesenan, Jabatan Perancangan Bandar</b></p>
2.	Para 8.1 & m/s 5 -	Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Cadangan permohonan baru, cadangan permohonan tambahan aktiviti dan rayuan tambahan aktiviti bagi lesen hiburan dan tempat hiburan (Kertas mesyuarat	Beliau inginkan penjelasan berkenaan keputusan mesyuarat, apakah perbezaan antara LULUS dengan LULUS BERSYARAT memandangkan keputusan LULUS turut menyatakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh pemohon.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
			bil.75/09/2019) -	<b>Keputusan Mesyuarat :</b>  Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara yang dibawa ke dalam mesyuarat merupakan cadangan permohonan bagi aktiviti baru, tambahan aktiviti serta rayuan. Permohonan yang berstatus LULUS merupakan permohonan yang dibenarkan menghantar borang permohonan yang lengkap manakala status LULUS BERSYARAT perlu mematuhi syarat yang ditetapkan sebelum mengemukakan borang permohonan yang lengkap.  <b>Makluman</b>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		Encik Chia Yew Ken		<p>Beliau inginkan penjelasan berkenaan kenapa pemohon masih perlu menghantar borang permohonan untuk kali kedua terhadap permohonan yang telah diluluskan dalam mesyuarat?</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta supaya perkara ini dibincangkan dengan lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Pelesenan</b></p>
3.		Encik Yap Kok Weng		Beliau ingin tahu adakah MPSJ akan mengeluarkan satu dasar khusus bagi permohonan lesen?

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta supaya diwujudkan satu Jawatankuasa Teknikal dengan melibatkan agensi luar yang berkaitan bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Pelesenan</b></p>

**5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 08/2019 bertarikh 17 September 2019**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.1 & m/s 3	Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh	Taman Hutan Bandar di USJ 3	<p>Beliau memaklumkan bahawa masalah kebersihan tandas di Taman Hutan Bandar tidak memuaskan dan kotor. Mohon kerjasama MPSJ untuk membuat pembersihan secara harian di tandas tersebut.</p> <p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa masalah kebersihan berlaku kerana MPSJ dalam proses pelantikan kontraktor pembersihan di lokasi tersebut. Kontraktor akan dilantik pada 1 Oktober 2019. Bagi mengatasi masalah ini, seorang petugas akan ditempatkan bagi</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>melaksanakan pembersihan secara harian di lokasi tersebut sehingga pelantikan kontraktor selesai.</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Jabatan Landskap</b></p>
2.	Para 2.1 & m/s 2	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Taklimat laporan prestasi daripada KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	Beliau mohon mendapatkan penjelasan berkenaan status perjanjian kontrak yang masih belum ditandatangani sehingga menyebabkan pembayaran tidak dapat dilaksanakan. Beliau khawatir perkara ini akan menjejaskan prestasi kontraktor di tapak sehingga menimbulkan aduan daripada penduduk.

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p><b>Keputusan Mesyuarat :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa pembayaran tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh keengganan pihak KDEB untuk menandatangani perjanjian disebabkan mereka tidak bersetuju dengan klausa penamatan kontrak. Sehingga ke hari ini terdapat 3 PBT yang masih belum selesai menandatangani kontrak dengan pihak KDEB iaitu MPSJ, MBPJ dan MBSA. Pihak Majlis telah merujuk perkara ini kepada Penasihat Undang-Undang Negeri</p>

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
				<p>dan mereka bersetuju dengan pendirian Majlis. Sehubungan dengan itu, Puan Yang Dipertua meminta supaya Penasihat Undang-Undang MPSJ merujuk perkara ini kepada Penasihat Undang-Undang Negeri agar satu perjumpaan bersama Menteri Besar dapat dibuat bagi menjelaskan pendirian pihak Majlis sekaligus mencari penyelesaian berkenaan keengganan pihak KDEB menandatangani perjanjian sehingga menyukarkan pembayaran dibuat.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Undang-Undang</b></p>



**5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)  
Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang  
Jaya Bil.15/2019 Bertarikh 18 September 2019**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA**

**6.1 Penyata Kewangan MPSJ Bagi Tahun Berakhir 31 Disember  
2018  
(Kertas Mesyuarat Bil.15/09/2019)**

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Perbendaharaan dan dibentangkan oleh Pengarah Perbendaharaan.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju untuk menerima pembentangan tersebut.

**Makluman**

## **7.0 PENUTUP**

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Tarikh Disediakan : 26 September 2019

**" SELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.

Setiausaha Perbandaran

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN),** S.I.S., P.P.T

Yang Dipertua

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**LAMPIRAN A**

**HADIR**

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | TPr. Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Yang Dipertua                       |   | Pengerusi<br>Mesyuarat  |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Timbalan Yang Dipertua | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Yap Kok Weng  | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim  | - | "                       |
| 5.  | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim  | - | "                       |
| 6.  | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin  | - | "                       |
| 7.  | Puan Sharmazira binti Md Sharif   | - | "                       |
| 8.  | Puan Kavitha a/p Chandragesan   | - | "                       |
| 9.  | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman   | - | "                       |
| 10. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh  | - | "                       |
| 11. | Encik Thomas Low Yew Sin  | - | "                       |

12.	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	-	"
13.	Encik Mehanatan a/l Embamurthi	-	"
14.	Encik Chia Yew Ken	-	"
15.	Encik Tai Cheng Heng	-	"
16.	Encik Thamilarasu Sandayan	-	"
17.	Encik Wong Yii Seang	-	"
18.	Puan Lee Jen Uyin	-	"
19.	Puan Ng Seow Chen	-	"
20.	Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi	-	"
21.	Encik Koh Eng Kee	-	"
22.	Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed	-	"
23.	Encik Thong Kim Fatt	-	"

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
  
2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S -  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
  
3. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
  
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
  
5. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
  
6. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
  
7. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
  
8. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan

9. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
10. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.  
Pengarah, Unit Audit Dalam
11. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
12. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
13. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
14. Puan Rosmawati binti Zainuddin, A.I.S  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
15. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
16. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

17. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
  
18. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
  
19. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
  
20. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
  
21. Dr. Nurnawwar binti Arpaai  
Pegawai Perubatan, Jabatan Kesihatan
  
22. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Unit Audit Dalam
  
23. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
  
24. Cik Hasnah binti Najeri  
Penolong Pengarah , Jabatan Kesihatan
  
25. Encik Emyshimy Rizal bin Nasaruddin  
Pegawai Undang-Undang , Jabatan COB

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli - Ahli Majlis
2. Encik M Anbarasan a/l Murugesu - "
3. Dato' Kamaruzaman bin Ibrahim - "
4. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
5. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
6. Sr. Aida binti Omar, MRISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
7. Puan Hjh Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
8. Sr. Mohd Marwan bin khalilludin  
Pengarah, Jabatan COB



## **URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan